

22/09/1998

Malaysia sah tawar diri anjur Olimpik 2008

MALAYSIA mengesahkan komitmen untuk menawarkan diri menjadi tuan rumah Sukan Olimpik 2008.

Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, berkata pihaknya sudah menerima 'lampu hijau' daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk melakukan persediaan yang perlu sebelum tawaran itu dibuat.

Menurutnya, kementeriannya akan merangka kertas kerja lengkap untuk dibentangkan bagi kelulusan Kabinet secepat mungkin.

"Sebaik sahaja menerima kelulusan, kita akan menghantar satu pasukan penyelidik ke ibu pejabat Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa (IOC) di Lausanne, Switzerland untuk membuat kajian terperinci bagi memastikan tawaran yang dibuat adalah sempurna.

"Di samping itu, kita juga perlu melakukan pelbagai perkara lain, termasuk mempromosi dan melobi di kalangan negara ahli bagi mendapatkan sokongan mereka."

"Bagaimanapun, apa yang penting ialah Malaysia sudah bersedia menganjur temasya lebih mencabar daripada Sukan Komanwel," katanya dalam sidang akhbar pada hari penutup di Pusat Akhbar Utama, semalam.

Kelmarin, Dr Mahathir berkata Malaysia perlu melepasi pelbagai syarat IOC sebelum menjadi tuan rumah Sukan Olimpik, antaranya menyediakan atlet sewajarnya sebagai peserta.

Menjawab soalan wartawan asing mengenai kemampuan Malaysia menjadi tuan rumah Sukan Olimpik ketika negara ini menghadapi pelbagai masalah dalaman, Muhyiddin berkata kekuatan Malaysia dan perpaduan rakyatnya memang diketahui dunia.

"Hakikat bahawa kami diberi peluang menjadi tuan rumah Sukan Komanwel adalah satu kredit kepada negara dan kerajaan negara ini. Sudah tentu Malaysia, seperti mana-mana negara membangun yang lain, menghadapi pelbagai isu dari semasa ke semasa... kami tidak terkecuali.

"Tetapi untuk rekod, saya ingin menekankan mengenai pencapaian negara ini. Kami adalah sebuah negara yang aman, makmur, dengan kadar pekerjaan yang begitu tinggi."

"Kami memang menghadapi masalah tetapi dapat menyelesaikannya secara aman tetapi apa yang paling penting di sini ialah kekuatan kerajaan memerintah dan perpaduan rakyat negara ini."

"Jadi, adalah tidak adil untuk mengatakan bahawa kami tidak boleh menjadi tuan rumah Sukan Olimpik kerana mempunyai masalah dalaman, iaitu masalah yang sama dihadapi oleh lain-lain negara. Sukan Olimpik akan menjadi pelan perancangan 10 tahun kami," katanya.

Terdahulu, Pengerusi Persekutuan Sukan Komanwel (CGF), Michael Fennell, berkata Presiden IOC, Juan Antonio Samaranch, yang berada di Kuala Lumpur ketika upacara pembukaan Sukan Komanwel, melahirkan rasa kagum terhadap persediaan Malaysia menganjurkan temasya kedua paling berprestij dunia.

"Menurut Samaranch, dengan kemudahan seperti ini, Malaysia mampu menganjurkan kejohanan lebih besar. Samaranch juga yang menyarankan kepada Malaysia supaya menghantar pasukan penyelidik ke ibu pejabat IOC untuk membuat kajian terperinci sebelum menawarkan diri," katanya.

(END)